



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Gagal mematuhi peraturan paparan tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga,  
Penggal 142, dua permis perniagaan dikenakan kompaun**

---

Tarikh: 12 Disember 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan dua kompaun kepada dua buah premis perniagaan atas kegagalan mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, melalui penguatkuasaan rutin harian yang dijalankan.
2. Hasil daripada penguatkuasaan rutin harian JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna dan aduan yang diterima daripada pengguna telah mendapati dua buah syarikat perniagaan melakukan kesalahan di bawah Bab 5 iaitu berkaitan dengan paparan tanda harga. Syarikat Raimmar Sdn Bhd telah gagal memaparkan tanda harga dengan jelas iaitu paparan tanda harga tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem pembayaran. Manakala, Syarikat Jaya Hypermarket Sdn Bhd telah gagal memaparkan tanda harga bagi sebahagian produk susu tepung formula yang dijual di dalam premis perniagaan. Kedua-dua syarikat dikenakan kompaun masing-masing berjumlah \$500.00.
3. Sementara itu, bulan November 2022 telah mencatatkan sebanyak sembilan Notis Amaran dikeluarkan kepada sembilan buah syarikat perniagaan atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu seperti menjual melebihi harga maksimum bagi produk minyak masak dan gagal mematuhi peraturan paparan tanda harga.

4. Para peniaga diingatkan untuk sentiasa mengamalkan amalan perniagaan yang wajar dan beretika dengan mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan termasuk Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Kepatuhan para peniaga dalam melaksanakan amalan perniagaan yang beretika berupaya membantu membangunkan penggunaan domestik yang berdaya tahan.
5. Dalam pada itu, orang ramai selaku pengguna turut memainkan peranan dalam mendisiplinkan para peniaga ke arah mewujudkan ekosistem perniagaan yang wajar dan beretika melalui melaksanakan pembelian secara berhemah dan bertanggungjawab dengan mengamalkan konsep PenggunaBijak seperti membuat perbandingan harga barang dan mendapatkan maklumat-maklumat pembelian terlebih dahulu bagi mendapatkan nilai pembelian yang terbaik.
6. Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan membuat aduan rasmi mengenai amalan perniagaan yang tidak wajar, pengguna disarankan untuk menggunakan aplikasi mudah alih PenggunaBijak yang telah dinaiktaraf dan boleh dimuat turun melalui platform *App Store* dan *Google Play*. Aduan perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti. JPES juga boleh dihubungi melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi